

Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Keupayaan Keselamatan & Pertahanan Negara

The Effect of The Covid-19 Pandemic on National Security & Defense Capabilities

Osman Md Rasip^①, Mohamad Muntaha Salleh², Salman Abd Rahman³, Mohd Nasrul Muhaimin Mohd Taib⁴ & Ahmad Muslihuddin Rozlan⁵

¹Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

(^①Corresponding author: abuinsyirah01@gmail.com)

²Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), 43200 Kuala Lumpur, Malaysia

³Yayasan Persahabatan Insaniah Sejagat, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

⁴Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

⁵Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini menilai kesan pandemik COVID-19 terhadap keupayaan keselamatan dan pertahanan negara. Pasukan keselamatan dan aset keselamatan negara terlibat secara langsung dalam usaha menangani pandemik COVID-19. Pada masa yang sama, negara tetap berdepan dengan ancaman pencerobohan sempadan berikutan konflik geopolitik di Laut China Selatan. Selain itu, kajian ini turut meneliti peningkatan ancaman keselamatan dalam bentuk baharu seperti pengintipan siber, jenayah siber dan jenayah media baharu ekoran norma baharu semasa pandemik COVID-19 yang meningkatkan penggunaan internet untuk pelbagai urusan harian. Pandemik ini juga telah meningkatkan kekangan bajet pertahanan negara kerana kerajaan perlu menanggung perbelanjaan yang besar untuk menangani krisis kesihatan dan ekonomi yang timbul akibat pandemik COVID-19.

KATA KUNCI:

Keselamatan nasional, keupayaan pertahanan, keselamatan siber, jenayah, COVID-19, Malaysia

Received: Aug 11, 2022

Accepted: Nov 21, 2022

Published May 31, 2023

ABSTRACT

This study analyses the impact of the COVID-19 pandemic on the country's security and defense capabilities. National security forces and assets were directly involved in helping the government to manage the pandemic. At the same time, the country continues to face the threat of border invasion due to the geopolitical conflicts in the South China Sea. In addition, this study examines the increase of security threats in new forms such as cyber espionage, cyber crime and new media crimes following the new norms during the COVID-19 pandemic that has increased the use of the internet for various daily activities. The pandemic has also increased the national defense budget constraints because the government has incurred huge expenses to deal with the health and economic crises that have arisen as a result of the COVID-19 pandemic.

KEYWORDS:

National security, defence capability, cyber security, crime, COVID-19, Malaysia

1.0 Pendahuluan

Virus COVID-19 mula melanda dunia di penghujung tahun 2019 sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkannya sebagai pandemik pada 12 Januari 2020. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pelbagai sektor dalam negara seperti sosial, ekonomi dan pendidikan. Ia turut memberi impak kepada aspek keselamatan dan pertahanan negara. Kesiapsiagaan dan keprihatinan tentang aspek keselamatan dan pertahanan sepanjang masa dapat membantu menjamin kedaulatan dan keutuhan negara.

Pandemik COVID-19 boleh menjejaskan keupayaan keselamatan dan pertahanan negara kerana kerajaan perlu lebih menumpukan sumber negara untuk pengurusan pandemik. Misalnya, peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk menangani krisis kesihatan dan ekonomi yang timbul akibat pandemik ini meningkatkan kekangan bajet pertahanan negara. Ini memberikan kesan secara tidak langsung terhadap keupayaan keselamatan dan pertahanan negara terutamanya dari segi kuantiti dan kualiti aset ketenteraan negara.

Pelbagai agensi keselamatan dan aset keselamatan negara telah terlibat secara langsung apabila kerajaan memperketatkan kawalan di pintu masuk sempadan dan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengawal penularan wabak COVID-19 (Izhar, Abd Rahman & Aziz, 2021). Selain itu, angkatan tentera turut membantu memerangi pandemik dengan membina hospital lapangan dan memberikan perkhidmatan vaksinasi di kawasan pedalaman (Angkatan tentera mobilisasi aset peringkat usaha perang Covid-19, 2021). Pada masa yang sama juga, konflik geopolitik yang berterusan di Laut China Selatan memberikan ancaman keselamatan sempadan negara. Malah, ancaman keselamatan dalam bentuk yang baharu seperti ancaman keselamatan siber dan jenayah media baharu semakin meningkat seiring dengan peningkatan penggunaan internet semasa pandemik COVID-19.

Kajian ini meneliti kesan pandemik COVID-19 terhadap pelbagai aspek keupayaan keselamatan dan pertahanan negara. Bahagian pertama kajian ini meninjau definisi dan konsep keupayaan keselamatan nasional. Bahagian kedua menjawab persoalan bagaimana pandemik COVID-19 telah mengesani keupayaan keselamatan dan pertahanan negara. Bahagian seterusnya menumpukan perhatian terhadap bagaimana pandemik COVID-19 telah mengesani beberapa aspek utama keselamatan nasional seperti isu pencerobohan sempadan, keselamatan siber dan keselamatan rakyat dalam negara.

2.0 Definisi dan konsep keupayaan keselamatan nasional

Secara umum, keselamatan negara ditafsirkan sebagai mempertahankan nilai-nilai kemerdekaan, kedaulatan, dan keselamatan rakyat agar berada di tahap yang selesa dan hidup dalam suasana yang harmoni dan aman damai. Keselamatan negara juga bermaksud menjaga pertahanan sempadan negara daripada ancaman ketenteraan dan musuh untuk menjamin kedudukan sebuah negara yang

merdeka dan berdaulat. Monica Gariup (2017) mendefinisikan keselamatan sebagai dasar kerajaan untuk mewujudkan keadaan aman yang melindungi kepentingan utama negara daripada ancaman musuh.

Keupayaan merujuk kepada kebolehan dan kebersediaan dalam sesuatu bidang. Keupayaan juga merujuk kepada kemahiran, pengalaman dan pengetahuan. Apabila digabungkan konsep keupayaan dan keselamatan negara, Buzan, Wver & Wilde (1997) mendefinisikan kebolehan sesebuah negara untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan sempadan negara daripada ancaman anasir luar mahupun ancaman dalaman. Keupayaan keselamatan negara boleh diukur dari sudut saiz aset ketenteraan, kapasiti cegah rintang dan kecekapan pengawalan sempadan. Bagaimanapun, konsep keselamatan negara yang lebih luas turut merangkumi pelbagai aspek lain seperti keselamatan ekonomi, keselamatan tenaga, keselamatan alam sekitar dan keselamatan makanan.


Kekuatan sesebuah negara terdiri daripada kuasa keras (*hard power*) dan kuasa lunak (*soft power*). *Hard power* (Gray, 2012) yang dimaksudkan adalah mengenai kawalan dan biasanya diukur melalui kekuatan tenaga dan aset ketenteraan tentera manakala *soft power* pula berkaitan dengan pengaruh, pujukan dan penggunaan pelbagai kaedah lain untuk melakukan atau mencapai sesuatu. Lowy Institute telah membahagikan kekuasaan nasional kepada dua aspek penting iaitu kekuasaan dan pengaruh. Aspek kekuasaan merangkumi keupayaan ekonomi, keupayaan ketenteraan, ketahanan dan sumber akan datang. Manakala aspek pengaruh pula merangkumi hubungan ekonomi, jaringan pertahanan, pengaruh diplomatik dan pengaruh budaya.

3.0 Keupayaan Keselamatan dan Pertahanan Negara Sebelum dan Semasa Pandemik COVID-19

Dalam tempoh pandemik, keupayaan ketenteraan Malaysia tidak menunjukkan perubahan yang signifikan. Kajian Lowy Institute menunjukkan Malaysia mengekalkan kedudukan ke-16 dalam Indeks Keupayaan Ketenteraan bagi 26 negara Asia Pasifik dari 2018 hingga 2021. Kajian Lowy Institute tersebut telah mengambil kira kekuatan dan keupayaan ketenteraan dalam lima aspek iaitu: (1) perbelanjaan pertahanan; (2) saiz dan kesediaan angkatan tentera; (3) aset peperangan; (4) keupayaan ketenteraan seperti keupayaan peluru berpandu balistik, rangkaian perisikan dan keupayaan siber serta (5) postur atau kesiapsiagaan tentera. Kajian Stockholm International Peace Research Institute (SIPRI) juga memberikan gambaran yang sama. Malaysia kekal dalam kategori kuasa pertengahan (*middle power*) dalam kalangan negara-negara ASEAN.


Namun begitu, Laporan Keupayaan Menyeluruh dan Keupayaan Keselamatan 26 Negara Asia Pasifik yang dikeluarkan oleh Lowy Institute menunjukkan beberapa aspek keupayaan keselamatan negara semakin lemah semasa pandemik COVID-19. Rajah 1 menunjukkan skor Malaysia bagi keupayaan ketenteraan, ketahanan, jaringan ekonomi, jaringan pertahanan, pengaruh diplomatik dan pengaruh budaya telah menurun dari tahun 2019 ke tahun 2020.

Rajah 1: Skor Keupayaan Menyeluruh Dan Keupayaan Keselamatan Malaysia, 2018-2020




Kekuatan keupayaan keselamatan negara berkait rapat dengan peruntukan bajet pertahanan. Kekangan kewangan memberikan kesan negatif terhadap kuantiti dan kualiti aset ketenteraan negara seterusnya menjejaskan operasi keselamatan negara (Syed Mustapa et al., 2020). Rajah 2 menunjukkan bajet pertahanan Malaysia dari tahun 2010 hingga 2020. Bajet terendah adalah pada tahun 2018 iaitu sebanyak 0.96% daripada KDNK. Pada tahun 2020, bajet pertahanan meningkat sebanyak 0.11% berbanding tahun 2019 tetapi peruntukan bajet pertahanan Malaysia masih rendah berbanding peruntukan bajet pertahanan Malaysia sebelum tahun 2017.

Rajah 2: Saiz Bajet Pertahanan Malaysia (% daripada KDNK), 2010-2020




Kedudukan kekuatan ketenteraan Malaysia berbanding negara-negara jiran dapat dilihat daripada perbandingan bajet pertahanan negara-negara di rantau ini. Rajah 3 menunjukkan perbandingan saiz bajet pertahanan beberapa negara ASEAN berdasarkan data yang dikeluarkan daripada laman web Stockholm International Peace Research Institute (SIPRI,2020). Malaysia memperuntukan sekitar 1% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) untuk bajet pertahanan berbanding beberapa negara jiran seperti Singapura (3%), Thailand (1.5%) dan Filipina (2.3%). Walaupun Indonesia mempunyai saiz bajet pertahanan yang lebih kecil daripada Malaysia, Indonesia menunjukkan usaha yang serius dalam menjaga keupayaan pertahanan dengan meningkatkan bajet pertahanan sejak 2018 hingga 2020. Selain itu, KDNK Indonesia yang lebih besar berbanding Malaysia bermakna jumlah perbelanjaan pertahanan Indonesia adalah lebih tinggi berbanding Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 berdasarkan data yang dikeluarkan oleh laman Global Fire (2022).

Rajah 3: Perbandingan saiz bajet pertahanan beberapa negara ASEAN (% daripada KDNK), 2017-2020




Rajah 4: Perbandingan jumlah bajet pertahanan beberapa negara ASEAN (USD), 2017-2020




Kekangan bajet pertahanan boleh menjejaskan kekuatan aset pertahanan negara. Rajah 5 dan 6 menunjukkan Malaysia berada di kedudukan kedua terendah dalam kalangan negara-negara ASEAN dari segi jumlah aset tentera darat dan tentera laut pada tahun 2021. Rajah 7 pula menunjukkan tentera udara Malaysia mempunyai jumlah pesawat yang paling sedikit berbanding negara-negara jiran pada tahun 2021 (Global Fire,2022).


Rajah 5: Perbandingan jumlah aset tentera darat beberapa negara ASEAN, 2021




Rajah 6: Perbandingan jumlah aset tentera laut beberapa negara ASEAN, 2021



Rajah 7: Perbandingan jumlah aset tentera udara beberapa negara ASEAN, 2021




Berdasarkan skor import senjata yang dikeluarkan oleh SIPRI (2022) yang ditunjukkan dalam rajah 8, import senjata bagi negara-negara ASEAN menunjukkan trend penurunan semasa pandemik. Hanya Indonesia dan Filipina yang meningkatkan import senjata semasa pandemik. Rajah 8 juga menunjukkan skor import senjata Malaysia lebih rendah berbanding negara-negara jiran dalam tempoh 2015 hingga 2020 dan trend penurunan skor import senjata Malaysia adalah konsisten sejak 2016.

Rajah 8: Perbandingan skor import senjata beberapa negara ASEAN, 2015-2020

Kesimpulannya, tahap keupayaan keselamatan dan pertahanan Malaysia serta negara-negara lain di rantau Asia Tenggara secara umumnya telah terjejas akibat pandemik COVID-19. Pandemik COVID-19 telah menimbulkan krisis kesihatan, krisis ekonomi serta krisis keselamatan makanan yang menuntut kos perbelanjaan negara yang besar (Mat Jalaluddin et al., 2022; Mustafa & Razli, 2022; Hasan et al., 2022). Bajet pertahanan negara tidak dapat ditingkatkan kerana kerajaan perlu mengutamakan perbelanjaan untuk menangani krisis-krisis tersebut.

4.0 Ancaman terhadap Keselamatan dan Kedaulatan Sempadan Negara Semasa Pandemik COVID-19

China masih aktif menjalankan aktiviti pencerobohan di Laut China Selatan semasa pandemik COVID-19. Laporan Tahunan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 2020 merekodkan sebanyak 16 buah kapal penguatkuasaan asing China dikesan sepanjang tahun 2020. Rajah 9 menunjukkan peningkatan kes pencerobohan China di Laut China Selatan sejak 2016 hingga 2018 tetapi kes pencerobohan ini telah menurun sedikit pada tahun 2019 dan 2020 (APMM,2021).

Rajah 9: Bilangan kes pencerobohan kapal China di Laut China Selatan, 2016-2020

Selain pencerobohan sempadan laut Malaysia, pencerobohan sempadan udara Malaysia juga turut berlaku yang melibatkan negara China dan Singapura. Pada Oktober 2021, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim menyatakan Singapura kerap mencerooboh ruang udara Malaysia setelah kerajaan Malaysia membangkitkan isu untuk mengkaji semula kes Batu Puteh (Berita Harian, 2021). Menurut Euan Graham, Shangri-La Dialogue Senior Fellow for Asia-Pacific Security dari International Institute for Strategic Studies (IISS), terdapat tiga sebab pesawat tentera China mencerooboh ruang udara Malaysia iaitu untuk (i) mengganggu aktiviti eksploitasi sumber alam Malaysia, (ii) menunjukkan kemampuan tentera udara China, yang ditujukan bukan sahaja kepada Malaysia, dan (iii) menguji tahap tindak balas pertahanan udara Malaysia (IISS,2021).

China juga memberikan respon agresif ketika Malaysia menjalankan sesi latihan ketenteraan bersama Amerika Syarikat (AS) dan projek pembangunan Lapangan Gas Asli Kawasari oleh syarikat Petroleum Nasional Berhad (Petronas). China turut memberikan tekanan kepada Indonesia dalam usahanya mengukuhkan kedudukan di Laut China Selatan. Misalnya, kapal peninjau tentera laut China, Haiyang Dizhi 10 yang diiringi oleh kapal pengawal pantai China (China Coast Guard, CCG) 4303 telah melakukan tinjauan di pelantar benua Indonesia pada 30 Ogos 2021 (AMTI,2021).

Menteri Luar Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah menyatakan dalam satu program webinar *Foreign Policy Community* di Jakarta pada tahun 2021 bahawa Malaysia menjangkakan pencerobohan dari China akan berlaku dengan lebih kerap susulan dari pembangunan Lapangan Gas Asli Kasawari yang terletak di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia (Defence Security Asia, 2021). Menurut penganalisa, Collin Koh dari S. Rajaratnam School of International Studies di Singapura, tujuan utama Beijing melakukan pencerobohan sempadan negara adalah untuk menekan pihak berautoriti Malaysia dan Petronas untuk menghentikan projek lapangan gas terbabit. Kenyataan-kenyataan ini terbukti dengan pencerobohan tiga CCG Haijing 5402, 5103, dan 5102 pada Disember 2021 yang bertujuan untuk mengganggu usaha cari gali Petronas di kawasan tersebut.

Kesimpulannya, Malaysia tetap berhadapan dengan ancaman pencerobohan sempadan negara walaupun sedang bertarung dengan pandemik COVID-19. China masih konsisten dengan usaha untuk mengukuhkan kedudukannya di Laut China Selatan walaupun sedang bergelut dengan pandemik COVID-19. Malaysia perlu bersedia dengan dua kemungkinan sama ada kadar pencerobohan China akan kekal atau semakin meningkat. Ancaman terhadap keselamatan sempadan dan kedaulatan negara juga bukan hanya berbentuk pencerobohan sempadan laut dan udara malah kewujudan pulau-pulau buatan manusia yang dibina oleh China untuk kegunaan angkatan tentera mereka.

5.0 Ancaman dan Keupayaan Keselamatan Siber Malaysia Semasa Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap landskap sosio-ekonomi negara berikutan penutupan pintu sempadan, sekatan ke atas pelbagai aktiviti ekonomi dan kawalan pergerakan fizikal. Penggunaan internet telah meningkat dengan mendadak di seluruh dunia sewaktu pandemik ini berikutan tuntutan bekerja dan belajar dari rumah secara atas talian. Peningkatan kebergantungan terhadap internet dalam urusan kehidupan harian ini telah membuka peluang yang lebih besar kepada penjenayah siber untuk mengambil kesempatan terhadap norma baharu dalam tempoh pandemik COVID-19.

Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) adalah unit di bawah CyberSecurity Malaysia yang bertanggungjawab terhadap pengurusan insiden keselamatan siber. Statistik insiden keselamatan siber yang dilaporkan kepada MyCERT, menunjukkan terdapat hubungan langsung di antara jumlah insiden keselamatan siber dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Terdapat lonjakan yang ketara dalam jumlah insiden keselamatan siber ketika pelaksanaan 3 PKP pada Mac 2020, Januari 2021 dan Mei 2021 (MyCERT, 2019-2021).

Pada tahun 2020, MyCERT telah menerima sebanyak 10,790 laporan insiden keselamatan siber. 70.37% dari jumlah ini adalah insiden yang berkaitan dengan penipuan (*fraud*). CyberSecurity Malaysia melaporkan bahawa penipuan berbentuk *phishing* merupakan insiden penipuan siber tertinggi iaitu

sebanyak 6,427 kes atau 59.56% dari keseluruhan 10,790 insiden keselamatan siber yang dilaporkan. *Phishing* adalah jenayah penipuan di mana penjenayah menggunakan komunikasi elektronik untuk mendapatkan maklumat sensitif seperti nama pengguna, kata laluan dan butiran kad kredit melalui penyamaran sebagai entiti yang dipercayai.

CyberSecurity Malaysia juga melaporkan bahawa fasa awal pandemik iaitu pada bulan Mac 2020 merekodkan kebocoran data melibatkan 37,145 butiran kad kredit. Pada bulan September dan Oktober 2020, kebocoran data berlaku melibatkan data peribadi 1,400 orang rakyat Malaysia yang didakwa didalangi oleh syarikat teknologi China, Zhenhua. Insiden ini mendapat perhatian kerana membabitkan kebocoran maklumat milik orang kenamaan di Malaysia yang mungkin ada kaitan dengan aktiviti pengintipan siber. Selain itu, terdapat isu pencerobohan terhadap sistem pelanggan ShopBack yang mengurus maklumat peribadi pelanggan bagi perkhidmatan pembelian dalam talian (CyberSecurity Malaysia, 2021).

Kebocoran data 1,400 orang rakyat Malaysia pada September 2020 telah disasarkan kepada individu yang berkuasa seperti kerabat diraja, ahli parlimen, menteri, pemimpin perniagaan yang terkemuka, bekas anggota tentera terkenal dan juga keluarga ahli politik. Laman berita ZDNet melaporkan mengenai kumpulan penggadam China yang telah menyasarkan rangkaian komputer Kerajaan Malaysia untuk mencuri dokumen sulit kerajaan. Kumpulan penggadam ini dipercayai dikenali sebagai APT40 yang ditaja oleh kerajaan China turut menyasarkan negara-negara lain bagi mendapatkan maklumat sulit yang strategik kerana menyasarkan golongan pegawai penting dalam institusi kerajaan. Kebanyakan pengintipan siber ini dirancang dengan penuh teliti dan sukar untuk dikesan seperti kumpulan APT 41 yang telah menjalankan aktiviti jenayah dan pengintipan sejak 2014 dan hanya dapat dikesan baru-baru ini.

Kegiatan risikan siber oleh China ke atas negara-negara di rantau Asia Tenggara telah bermula sejak 2012 dan semakin meningkat pada 2021. Pertindihan tuntutan sempadan di Laut China Selatan antara China dan negara-negara Asia Tenggara merupakan motif utama pengintipan siber ini. Risikan siber ini dikesan dari perisian berbahaya (*malicious software, malware*) yang dikatakan mempunyai kaitan dengan kumpulan gabungan penggadam yang ditaja oleh kerajaan China (BenarNews, 2021).

Kegiatan pengintipan siber telah mengambil alih kaedah risikan tradisional kerana penggunaan sistem dan teknologi siber terkini yang canggih menyebabkan ia sukar untuk dikesan. Kegiatan ini bukan sahaja menjejaskan kredibiliti agensi kerajaan yang terlibat malah yang lebih kritikal adalah mendedahkan ancaman keselamatan terhadap infrastruktur kritikal (CNII) dan ekonomi negara.

Walaupun ancaman keselamatan siber telah meningkat semasa pandemik COVID-19, Malaysia mempunyai keupayaan keselamatan siber yang kuat. Malaysia merupakan negara pertama dalam kalangan negara-negara ASEAN yang membangunkan polisi keselamatan siber dan memberi fokus untuk mengembangkannya ke dalam sektor ekonomi digital dan teknologi maklumat. Malaysia juga memiliki hubungan strategik dan diplomatik antarabangsa dengan negara kuasa siber global seperti Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan Singapura yang membantu menguatkan keselamatan siber Malaysia (ITU, 2021).

Menurut International Telecommunication Union (ITU,2021), sebuah agensi khas dalam bidang informasi dan teknologi maklumat (ICT) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia berada di kedudukan kelima dalam Indeks Keselamatan Siber Global (Global Cybersecurity Index). Pada tahun 2020, skor Indeks Keselamatan Siber Global Malaysia adalah 98.06 berbanding skor penuh sebanyak 100 (ITU, 2021). Malaysia dilihat memiliki kelebihan dari aspek penguatkuasaan undang-undang siber dan keterlibatan dalam pelbagai kerjasama strategik. Namun begitu, Malaysia perlu membuat penambahbaikan dari aspek keupayaan mengurus dan koordinasi pelbagai agensi bagi melaksanakan strategi keselamatan siber negara.

Penilaian Indeks Keselamatan Siber Global 2020 oleh ITU ini dilihat selari dengan pelancaran Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020-2024 yang memberi fokus terhadap 5 teras keselamatan siber yang utama; (1) Pengurusan dan urus tadbir efektif, (2) Penguatan perundangan dan penguatkuasaan, (3) Menyuburkan inovasi berkelas dunia, teknologi, R&D dan industri, (4) Meningkatkan kapasiti,

keupayaan, kesedaran & pendidikan dan (5) Penguatan kerjasama global. Pelan strategi ini adalah bukti komitmen tinggi Malaysia terhadap isu keselamatan siber (MKN, 2022).

Di Malaysia, pihak yang bertanggungjawab untuk mengetuai dan menyelaras hal ehwal keselamatan siber adalah Agensi Keselamatan Siber Nasional atau dikenali juga sebagai National Cyber Security Agency (NACSA). NACSA ditubuhkan pada 2017 oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN, 2022) yang bertanggungjawab melindungi Critical National Information Infrastructures (CNII). NACSA juga perlu menyelaras semua agensi yang terlibat dalam pelbagai aktiviti keselamatan siber seperti:


- CyberSecurity Malaysia (CSM, 2022) yang ditubuhkan 2019 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia
- Bahagian Siber & Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) yang ditubuhkan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF, 2020) pada 2020 sebagai agensi siber utama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- Pusat Operasi Pertahanan Siber (CDOC) ditubuhkan oleh ATM pada 2016 yang dikendalikan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP). CDOC berperanan memantau rapi sebarang aktiviti berbentuk ancaman siber yang berpotensi mengancam sistem dan rangkaian Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan ATM (Air Times Network, 2021).

Bagaimanapun, International Institute for Strategic Studies (IISS, 2021) telah mengenal pasti kelemahan ketara Malaysia dalam aspek keupayaan risikan dan peperangan siber. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan unit dan agensi keselamatan siber di bawah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih lagi baru ditubuhkan. Misalnya, Pusat Operasi Pertahanan Siber (CDOC) dan Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) yang ditubuhkan pada tahun 2016 dan 2020 belum benar-benar mencapai potensi kapasiti yang sebenar.

6.0 Keselamatan Dalaman Malaysia Semasa Pandemik COVID-19

Menurut laporan Polis Diraja Malaysia (2021), keselamatan dalaman negara yang melibatkan jenayah keganasan dan jenayah harta benda telah menurun semasa pandemik COVID-19 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10. Indeks Jenayah dalam tempoh pandemik khususnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menunjukkan penurunan yang ketara. Ini disebabkan mobilisasi semua rakyat yang terhad telah menyekat aktiviti jenayah.


Rajah 10: Jumlah kes jenayah harta benda dan kekerasan, 2016-2020



Sebaliknya, jenayah media baharu telah meningkat dengan ketara semasa pandemik COVID-19 seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3.2. Peningkatan ini selari dengan norma baharu masyarakat yang banyak menggunakan pelbagai bentuk kemudahan internet dalam pelbagai aktiviti seharian seperti jual beli, pendidikan, sosial, kemasyarakatan, dan keagamaan. Jenayah media baharu ini

melibatkan masyarakat bandar dan luar bandar serta julat umur yang pelbagai dari kanak-kanak hingga orang dewasa.

Rajah 11: Jumlah kes jenayah media baharu mengikut kategori, 2018-2020



7.0 Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap keupayaan keselamatan dan pertahanan negara. Anggota dan aset keselamatan negara terlibat secara langsung dalam usaha kerajaan menangani pandemik ini seperti kawalan pintu masuk sempadan serta pelaksanaan PKP. Pada masa yang sama, negara berhadapan dengan peningkatan ancaman keselamatan siber dan jenayah media baharu ekoran norma baharu semasa pandemik COVID-19 yang menyaksikan peningkatan penggunaan internet. Ancaman pencerobohan sempadan negara juga masih berlaku sepanjang pandemik berikutan konflik geopolitik di Laut China Selatan. Selain itu, kerajaan lebih mengutamakan perbelanjaan negara bagi menangani pelbagai krisis kesihatan dan ekonomi yang timbul semasa pandemik hingga mengekang bajet pertahanan negara.

8.0 Penghargaan

Kajian ini dilaksanakan di bawah Geran Kajian Strategik Impak Pandemik COVID-19 (GKS/07/2021) IRIS Institute.

Rujukan

Angkatan tentera mobilisasi aset pertingkat usaha perang Covid-19. (2021, September 2). MalaysiaNow. <https://www.malaysianow.com/my/news/2021/09/02/angkatan-tentera-mobilisasi-aset-pertingkat-usaha-perangi-covid-19>

Asia Maritime Transparency Initiative, AMTI. (2021). Nervous Energy: China Targets New Indonesian Malaysian Drilling. <https://amti.csis.org/nervous-energy-china-targets-new-indonesian-malaysian-drilling/>

- Barry Buzan, Ole Wver, Jaap De Wilde (1997) Security: A New Framework for Analysis. Lynne Rienner Publication
- BenarNews. (2021, Disember 19). [Penggodam Sasar Negara Tuntut Laut China Selatan - Firma Siber AS](#).
- Berita Harian. (2021). Siasat Pesawat Singapura Ceroboh Ruang Udara Pasir Gudang. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877667/siasat-pesawat-singapura-ceroboh-ruang-udara-pasir-gudang>
- Colin S. Gray, (2012), Hard Power and Soft Power: The Utility of Military Force as an Instrument of Policy in the 21st Century. Amazon.
- CyberSecurity Malaysia. (2021). [Landskap Keselamatan Siber Malaysia 2020: Apakah Persiapan Menghadapi Cabaran Keselamatan Siber mendatang?](#)
- Defence Security Asia. (2021). Menteri Luar Amaran Kapal China Ceroboh Malaysia. <https://defencesecurityasia.com/menteri-luar-amaran-kapal-china-ceroboh-malaysia/>
- Hasan, A., Jamalolail, F. N., Abd Rahman, A., Ahmad, F., & Amaris, I. (2022). Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Trajektori Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(4), 206-216. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.55>
- International Institute for Strategic Studies. (2021). Aerial Manoeuvres South China Sea. <https://www.iiss.org/blogs/analysis/2021/06/aerial-manoeuvres-south-china-sea>
- International Telecommunication Union (ITU). (2021). Global Cybersecurity Index 2020. "URL: https://www.itu.int/myitu/-/media/Publications/2021_Publications." *Global-Cybersecurity-Index-2020.pdf [in English]* (2020).
- International Telecommunication Union (ITU). (2021). Global Cybersecurity Index 2020
- Izhar, M. F., Abd Rahman, I., & Aziz, A. (2021) Pandemik Covid-19: Pendekatan Kerajaan Malaysia Dalam Mengurus Keselamatan Negara. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(26), 23-38.
- Kementerian Pertahanan Malaysia. (2020). ATM Tubuh Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP). <https://www.mod.gov.my/ms/mediamenu/arkib-berita/item/atm-tubuh-bahagian-siber-dan-elektromagnetik-pertahanan-bsep>
- Lowy Institute. (2021). Laporan Keupayaan Menyeluruh dan Keupayaan Keselamatan 26 Negara Asia Pasifik.
- M.Faizie, written by, & M.Faizie. (2021, October 21). CDOC Sentiasa Pantau Ancaman Siber Ke Atas Rangkaian Kementerian Pertahanan, ATM. Air Times News Network. Retrieved February 15, 2022, from <https://www.airtimes.my/2021/10/21/cdoc-sentiasa-pantau-ancaman-siber-ke-atas-rangkaian-kementerian-pertahanan-atm/>
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). Malaysia Cyber Security Strategy 2020-2024. <https://asset.mkn.gov.my>
- Mat Jalaluddin, N. S., Md Nor, A. R., Mokhtar, N., & Abd Aziz, N. (2022). Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Sekuriti Makanan di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(5), 294-315. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.59>
- Monica Gariup. (2017). European Security Culture: Language, Theory, Policy 1st Edition, Kindle Edition
- Mustafa, A. R., & Razli, A. Y. (2022). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Pertumbuhan dan Daya Tahan Populasi di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(5), 334-355. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.61>

MyCERT (2019-2021). Reported Incidents based on General Incident Classification Statistics (2019, 2020 & 2021). Retrieved February 15, 2022, from <https://www.mycert.org.my/portal/statistics?id=b75e037d-6ee3-4d11-8169-66677d694932>

Polis DiRaja Malaysia, PDRM. (2021). Laporan Polis DiRaja Malaysia 2021.

Stockholm International Peace Research Institute, SIPRI. (2021). Laporan Bajet Pertahanan Negara-Negara ASEAN, 2017-2020. <https://www.sipri.org/>

Syed Mustapa, S. A. H., Bakri, M. S., Keling, M. F., Abdullah, M. A. I. L., & Osman, N. (2020). Malaysian Armed Forces Logistic Management Problem: The Effect to the Country's Defence. *International Journal of Supply Chain Management (IJSCM)*, 9(1), 499-510.

Utusan Malaysia. (2021). China Bertindak balas ceroboh Malaysia selepas TUDM Buat Latihan dengan AS. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/china-bertindak-balas-ceroboh-malaysia-selepas-tudm-buat-latihan-dengan-as/>